

RM100j bina rumah keluarga bergaji RM1,000

27 JAN 2003

KUALA LUMPUR 26 Jan. — Kerajaan meluluskan peruntukan RM100 juta kepada Syarikat Perumahan Negara (SPN) bagi membina rumah kepada keluarga berpendapatan kurang RM1,000 sebulan pada tahun ini.

Pengerusi SPN, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata, agensi itu akan membina dua jenis rumah dengan keluasan 1,000 dan 700 kaki persegi mengandungi tiga bilik tidur dan dua bilik air.

Setiap rumah berharga RM35,000 dan RM28,000 dengan pembeli hanya perlu membayar RM100 dan RM70 sebulan bagi tempoh 22 tahun.

Syarat lain ialah pembeli perlu berumur antara 18 hingga 65 tahun dan pembeli berumur melebihi 50 tahun

boleh menggunakan dua nama termasuk anak mereka.

"Kita menetapkan sasaran untuk membina 2,500 buah rumah tahun ini," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, kerajaan mungkin akan menambah peruntukan sekiranya ia tidak mencukupi untuk membina rumah kepada golongan berkenaan.

Projek perumahan itu bermula tahun lepas dengan projek perintis membabitkan pembinaan rumah nelayan di Terengganu dan Pulau Tioman.

Kata beliau, projek seterusnya ialah membina rumah di perkampungan nelayan di Pulau Pangkor dan di beberapa daerah di Kedah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet

2003 di Dewan Rakyat pada September lepas berkata, kerajaan bercadang memperluas program seperti yang dilancarkan untuk keluarga nelayan di Terengganu ke negeri-negeri lain.

Ahmad Zahid berkata, bagi pembeli yang tidak mempunyai tanah, kerajaan negeri akan menyediakan tapak sesuai untuk dibina oleh SPN.

Katanya, SPN menetapkan sasaran membina setiap rumah dalam tempoh enam bulan.

Beliau juga berkata, Menteri Kewangan II, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis akan memberikan taklimat kepada semua anggota Parlimen mengenai projek perumahan itu pada bulan depan.

Katanya, pembeli perlu mengemukakan permohonan menerusi wakil rakyat di kawasan masing-masing.